

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn di-majlis Hari Uchapan dan Merasmikan Pameran Sekolah Menengah Tengku Sulaiman, Tunjong, Perlis, pada 12.9.1971 jam 2.45 petang.

Izinkan saya menyampaikan ucapan terima kasih di-atas jemputan Pengerusi dan Ahli2 Lembaga Pengelola, Guru2, ibu2 bapa dan pelajar2 sekalian kerana telah menjemput saya dan isteri saya hadir di-dalam majlis yang meriah ini.

Lawatan saya ka-Perlis kali ini ialah yang pertama saya buat semenjak menjadi Menteri Pelajaran pada tahun lalu. Yang sabenar-nya saya hendak melawat negeri ini lebeh awal lagi, tetapi oleh kerana kesuntokkan masa, maka hanya hari ini saya dapat membuat lawatan.

Sekolah ini baru berusia 6 tahun, tetapi dalam tempoh yang sengkat ini telah pun menchapai peringkat dewasa. Kedewasaan ini telah di-chapai dengan usaha sekolah ini sendiri untuk meninggikan taraf dan imej-nya. Guru2 dan pelajar2 telah sama2 bekerja keras bagi menchapai kejayaan ini. Taraf ini hendaklah terus di-perbaiki lagi dan di-pertahankan.

Saya di-fahamkan bahawa pelajaran Sains Pertanian di-sekolah ini berjalan dengan baik. Penuntut2 yang mengikuti pelajaran ini telah menjalankan beberapa perprojek termasuk menternak ayam, tanaman tebu dan sayoran2. Di-harap usaha2 ini dapat di-teruskan lagi.

Pada hemat saya kejayaan2 yang di-chapai itu adalah di-sebabkan ada-nya kerjasama dan bimbingan di-antara pelajar2 sakalian dan guru2 dan guru besar-nya.

Negara kita ialah sabuah negara muda yang sedang membangun. Kejayaan2 yang telah dapat kita chapai dalam masa 14 tahun yang lalu pun mengkagumkan dunia seluroh-nya. Telah banyak kejayaan2 yang telah kita chapai, dan maseh banyak lagi yang perlu kita usahakan, lebeh2 lagi di-bidang pelajaran.

Sabelum negara ini merdeka, kita chuma mempunyai sekolah2 menengah di-bandar2 yang besar sahaja. Tetapi semenjak kita merdeka kita telah membawa sekolah2 menengah di-seluroh cherok rantau negara kita. Pada lawatan saya ka-Perlis kali ini sukalah saya mengumumkan bahawa sabuah sekolah berasrama penoh akan di-dirikan di-Perlis ini, pada tahun hadapan. Perbelanjaan sekolah ini adalah

di-anggarkan lebih kurang \$1.2 juta dan akan mempunyai kemudahan2 asrama pelajar2 lelaki dan perempuan - bilek2 darjah termasuk makmal sains tulin dan 'am, juga bengkel seni perusahaan, bengkel kejuteraan dan lain2 keperluan.

Selain daripada itu suka saya menyatakan bahawa dari sekarang hingga tahun 1972, Kementerian Pelajaran akan membelanjakan \$163,200.00 untuk 7 buah projek sekolah rendah dan menengah di-Perlis ini, ia-itu mengadakan bilek2 darjah tambahan, kantin2, padang2 permainan dan lain2 kemudahan. Sebelum saya meninggalkan sekolah ini suka saya memberi tahu bahawa peruntukkan \$2,000.00 untuk membina jalan bertutup bagi sekolah Menengah Tengku Sulaiman ini telah di-luluskan. Saya berharap kerja membina jalan bertutup ini dapat di-buat tidak berapa lama lagi.

Saya ingin bertanya di-sini apakah peranan pelajar2 'am-nya dan pelajar2 Sekolah Menengah Tengku Sulaiman khas-nya? Saya bermaksud pelajar2 kita hendaklah memberi kerjasama yang rapat dengan guru2 dan guru besar khas-nya. Guru2 besar sekolah2 menengah di-lantek oleh Kementerian Pelajaran kerana kami perchaya dengan sapenoh-nya terhadap kebolehan mereka. Pihak pelajar2 hendaklah menerima guru2-nya dan menolong mereka dengan sedaya upaya supaya guru2 itu dapat menjalankan tugas-nya dengan mudah sekali.

Sekolah ini mempunyai 2 aliran, ia-itu Aliran Melayu dan aliran Inggeris. Saya tertarek hati di-atas ada-nya kerjasama dari kedua2 pihak dan sebagai bukti kerjasama itu, kita dapat mengadakan hari ucapan dan pameran yang meriah pada petang ini.

Kapada ibu2 bapa saya berharap lihat-lah dengan sendiri-nya akan kebolehan anak2 tuan2 dan puan2 sakalian mengadakan pameran ini. Pameran ini menjadi bukti betapa berusaha-nya guru2 dan pelajar2 terhadap menchapai kemajuan pelajaran anak2 itu. Oleh kerana itu saya berharap ibu2 bapa akan terus memberikan sokongan dan kerjasama mereka demi kebaikkn mutu dan taraf pelajaran jenerasi muda negara ini.

Akhir-nya kapada pelajar2 yang berjaya mendapat hadiah saya ucapkan tahniah dan kapada yang lain di-seru belajar bersungguh2 supaya berjaya pula di-lain kali. Kapada ibu2 bapa, ahli2 Lembaga Pengelola dan guru2 sekolah ini di-ucapkan shabash kerana berjaya mengadakan temasha yang meriah ini.

Dengan itu, saya dengan segala sukachita-nya merasmikan Pameran Sekolah Menengah Tengku Sulaiman ini.





No. Siri 65
No. Penerimaan 65/80